

# Pesakit baru tahu hidap penyakit kronik selepas 10 tahun

**GEORGE TOWN** – Seramai 28,822 pesakit buah pinggang di negara ini telah menjalani rawatan hemodialisis di klinik kesihatan dan swasta sejak dua tahun lalu dan jumlah itu dijangka meningkat secara berterusan setiap tahun.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, peningkatan jumlah pesakit tersebut adalah melebihi dua kali ganda dalam tempoh sembilan tahun.

Menurutnya, perkara itu sememangnya amat membingungkan berikutan kebanyakan pesakit tidak menunjukkan sebarang gejala yang sama pada peringkat awal penyakit atau lebih dikenali sebagai *silent disease*.

“Seperti negara-negara maju lain, penyakit kencing manis dan juga tekanan darah tinggi merupakan punca utama yang menyebabkan penyakit kegagalan buah pinggang. Namun, ada rakyat kita yang menghidap penyakit kencing ma-



**SUBRAMANIAM** (kiri) melawat kiosk pemeriksaan kesihatan yang disediakan di dalam perkhidmatan bas bergerak pada Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2015 Pulau Pinang di Padang Kota Lama semalam.

nis sejak 10 tahun lalu pun masih tidak tahu, bila sampai di hospital mereka sudah teruk. Ini amat membingungkan,” katanya.

Beliau berkata demikian

selepas merasmikan Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2015 Pulau Pinang di Padang Kota Lama di sini semalam.

Turut hadir Pengarah

Kesihatan Negeri, Datuk Dr. Zailan Datuk Adnan dan Presiden Yayasan Buah Pinggang Negara, Datuk Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher.

Dalam pada itu, Subramaniam memberitahu, pihak kementerian akan memperluaskan perkhidmatan rawatan hemodialisis di klinik-klinik kesihatan seluruh negara sekali gus dapat mengurangkan bebanan rakyat yang kurang berkemampuan.

Setakat ini, terdapat lapan buah klinik kesihatan yang menyediakan perkhidmatan tersebut dan lima lagi akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat.

“Kita akan melihat mana-mana klinik berkenaan yang mempunyai keperluan tinggi dan juga keluasan untuk menempatkan mesin-mesin rawatan. Kerajaan juga mengalu-alukan pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan untuk turut sama membantu kita menjalankan perkhidmatan ini,” ujarnya lagi.